
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

SBW202 – Dasar Ekonomi dan Pembangunan Malaysia

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan. **Bahagian A** adalah **wajib**. Pilih **DUA** (2) soalan daripada Bahagian B. Setiap soalan membawa 100 markah.

BAHAGIAN A

Soalan ini **WAJIB** dijawab.

1. Tuliskan nota-nota ringkas dan beri contoh-contoh sebagai penjelasan.

- a. pasaran bebas
- b. guna-tenaga penuh
- c. program "revolusi hijau"
- d. nisbah gini
- e. modal dagangan

BAHAGIAN B

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

2. Terangkan alasan-alasan yang digunakan untuk menubuhkan **sistem pemegangan amanah** di bawah Dasar Ekonomi Baru seperti yang dibentangkan oleh Ozay Mehmet. Apakah peranan birokrasi dan agensi pembangunan yang ditubuhkan di bawah sistem ini? Jelaskan bagaimana sistem ini telah melebarkan jurang antara kaum Melayu.
3. Jadual di bawah menunjukkan indikator bagi Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) yang dialami di negara Korea, Taiwan dan Singapura. Bincangkan peranan P&P dalam perkembangan dan pertumbuhan sektor industri. Apakah yang dapat dipelajari oleh para industrialis dan penggubal dasar di Malaysia dari pengalaman negara-negara tersebut supaya pemindahan teknologi dapat ditingkatkan?

Indikator Penyelidikan dan Pembangunan bagi Korea, Taiwan dan Singapura

| Indikator | Korea | | Taiwan | | Singapura | |
|--|-------------------|-------------------|-------------------|------|-----------|------|
| | 1983 | 1989 | 1983 | 1989 | 1978 | 1984 |
| P&P/KNK (%) | 1.8 | 2.12 | 0.91 | 1.38 | 0.2 | 0.6 |
| Perbelanjaan swasta/ kerajaan (nisbah) | 0.47 ^a | 4.00 ^b | 0.65 ^c | 1.09 | - | - |
| Institusi P&P swasta (jumlah) | 1 ^a | 290 ^b | - | - | - | - |

Sumber: Hong (1991: Jadual 2); Taiwan Statistical Data Book, 1991 (Jadual 6.1, 6.8); Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (1986: Charta 16-1).

Nota: a 1971
b 1986
C 1980

4. Bentangkan dapatan-dapatan kajian berkaitan dengan kemiskinan di sektor padi dan penerapan Revolusi Hijau seperti yang dibentangkan oleh Muhammed Ikmal Said dan Shukor Kassim. Jelaskan bagaimana faktor saiz tanah dan penggunaan teknologi memberi kesan kepada penumpuan modal dan pendapatan bagi penyewa dan pemilik sawah.

5. Nyatakan sektor-sektor dalam ekonomi Malaysia yang bergantung atas buruh asing. Terangkan hujah-hujah yang menyokong penyerapan buruh asing dalam pengeluaran. Apakah kesan bilangan buruh asing yang kian meningkat ke atas pasaran buruh tempatan?

6. Data di bawah menunjukkan pola penyertaan tenaga buruh mengikut umur, jantina dan strata. Jelaskan perbezaan-perbezaan tersebut. Nyatakan sebab-sebab yang menyumbang kepada perbezaan-perbezaan ini. Jika kerajaan ingin meningkatkan penglibatan tenaga buruh wanita apakah persediaan yang perlu diadakan untuk menggantikannya lebih ramai wanita turut serta dan kekal dalam pasaran buruh.

Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut umur, jantina dan strata bagi 1980 dan 1991

| Kumpulan Umur | Lelaki | | | | Perempuan | | | |
|---------------|--------|------|------|------|-----------|------|------|------|
| | Bandar | | Desa | | Bandar | | Desa | |
| | 1980 | 1991 | 1980 | 1991 | 1980 | 1991 | 1980 | 1991 |
| 10-14 | 7.2 | 1.7 | 8.0 | 4.3 | 5.1 | 1.8 | 5.3 | 3.9 |
| 15-19 | 44.6 | 37.9 | 49.1 | 43.7 | 34.7 | 32.8 | 31.9 | 38.1 |
| 20-24 | 88.7 | 83.7 | 92.2 | 89.7 | 59.3 | 59.3 | 48.7 | 70.3 |
| 25-29 | 97.0 | 95.0 | 97.2 | 96.0 | 47.2 | 51.7 | 41.7 | 67.2 |
| 30-34 | 97.7 | 96.2 | 97.7 | 97.0 | 38.2 | 48.7 | 41.2 | 66.5 |
| 35-39 | 98.0 | 96.8 | 97.9 | 97.4 | 35.8 | 44.0 | 46.2 | 66.9 |
| 40-44 | 97.5 | 95.9 | 97.5 | 96.8 | 32.4 | 36.6 | 49.6 | 67.2 |
| 45-49 | 96.3 | 94.1 | 96.4 | 95.9 | 28.1 | 29.8 | 47.9 | 68.4 |
| 50-54 | 90.9 | 87.7 | 93.1 | 92.6 | 22.7 | 20.8 | 43.0 | 64.5 |
| 55-59 | 67.7 | 48.0 | 81.5 | 78.9 | 17.4 | 12.2 | 37.2 | 55.1 |
| 60-64 | 56.5 | 38.2 | 74.0 | 70.0 | 14.6 | 9.9 | 30.1 | 47.1 |
| 65 & lebih | 37.5 | 32.2 | 54.4 | 61.6 | 11.9 | 7.0 | 21.4 | 40.4 |

Sumber: Saw Swee-Hock (1988: 232), Malaysia (1995).

✓

Pola penyertaan tenaga buruh wanita mengikut strata, 1980-1991

- oo oo oo oo -